



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**EN YEM BIN LATEH**

**BEKAS KETUA KAMPUNG SUNGAI SIPUT**

**MENGENAI SEJARAH KAMPUNG SUNGAI SIPUT**

**NAMA PELAJAR : NISA IWANA BINTI YUSLE**

**(2022919993)**

**NAMA PELAJAR : NUR AMIRAH BINTI AZMAN**

**(2022747957)**

**SEMESTER MAC 2023 – OGOS 2023**

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b> .....	1
<b>PENGHARGAAN</b> .....	3
<b>SENARAI ABREVIASI</b> .....	5
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	7
<b>RUJUKAN KATA</b> .....	9
<b>1.0 PROFIL PENEMUBUAL</b> .....	13
<b>1.1 PROFIL PENEMUBUAL 1</b> .....	14
<b>1.2 PROFIL PENEMUBUAL 2</b> .....	15
<b>2.0 PROFIL PENGKISAH</b> .....	16
<b>2.0 PROFIL PENGKISAH</b> .....	17
<b>3.0 SEJARAH LISAN</b> .....	18
<b>3.1 PENGENALAN</b> .....	19
<b>3.2 OBJEKTIF KAJIAN</b> .....	20
<b>3.3 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN</b> .....	20
<b>4.0 KAJIAN LITERATUR</b> .....	22
<b>5.0 TEMUBUAL TRANSKRIP BERSAMA PENGKISAH</b> .....	25
<b>6.0 LOG TEMUBUAL</b> .....	70
<b>7.0 INDEKS</b> .....	81
<b>8.0 BIBLIOGRAFI</b> .....	84
<b>9.0 RUJUKAN</b> .....	86

## ABSTRAK

### **Transkrip Temubual Bersama dengan En Yem bin Lateh, Bekas Ketua Kampung, Mengenai Sejarah Penubuhan Kampung Sungai Siput**

***Abstrak :** Transkrip temubual ini adalah mengenai sejarah-sejarah Kampung Sungai Siput dan dibantu dengan pengetahuan En Yem bin Lateh sebagai salah seorang penduduk Kampung Sungai Siput merangkap Bekas Ketua Kampung Sungai Siput yang telah menetap di Kampung Sungai Siput semenjak awal pembukaan Kampung Sungai Siput. Beliau merupakan salah seorang yang berpengetahuan luas tentang Kampung Sungai Siput dan juga salah seorang yang tepat untuk dirujuk. Kerjasama daripada En Yem bin Lateh telah banyak membantu kami dalam mengkaji sejarah Kampung Sungai Siput dimana melalui tembual tersebut tersingkap sebuah sejarah dimana Kampung Sungai Siput pernah menjadi sebuah tempat yang merakam sejarah Peperangan Jementah pada tahun 1879 dimana sebuah kubu telah dibina di Kampung Sungai Siput dan kubu tersebut dinamakan Kubu Sungai Siput. En Yem bin Lateh juga telah berkongsi cerita dimana Kampung Sungai Siput pernah menjadi tempah jajahan Askar Komunis Cina tetapi tiada tragedi buruk berlaku ketika penjajahan malahan mereka telah bernegosiasi dengan Pihak Komunis demi keamanan penduduk Kampung Sungai Siput. Melalui temubual tersebut, kami mendapat maklumat tentang pertumbuhan ekonomi, adat resam kampung, tokoh perintis di sebalik penubuhan Kampung Sungai Siput, serta kisah menarik di lokaliti dan pembangunan dan kemajuan semasa Kampung Sungai Siput.*

***Kata kunci :** Perang Saudara Jementah, Kubu Sungai Siput, Askar Komunis Cina, Nama Sungai Siput dan*

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta kurniaan nikmat masa, nyawa, tenaga yang dianugerahkan kepada saya.

Kami ingin mendedasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah Sejarah Lisan, Puan Azura binti Kamarudzzaman kerana memberi ruang dan peluang kepada kami untuk menjalankan Projek Sejarah Lisan – “Segar Amat Bumi Bertuah’ Semester 5 Universiti Teknologi Mara, Cawangan Johor Kampus Segamat. Tunjuk ajar serta bimbingan daripada beliau telah banyak membantu kami dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Tidak dilupakan Encik Roslan (Ayah Cik) , staf Perpustakaan Tun Dr. Ismail, kerana telah membantu kami dari awal perjalanan projek ini dengan membantu kami untuk menghubungi En Yem bin Lateh serta membawa kami berkunjung ke rumah En Yem bagi membentuk hubungan kami bersama En Yem bin Lateh agar kami tidak berasa janggal. Sekalung penghargaan dan terima kasih ke atas Encik Roslan dalam memberi maklumat tentang Kampung Sungai Siput bagi menjayakan lagi dan menambah maklumat yang sudah sedia ada.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada En Yem bin Lateh kerana kerjasama dan kesudian beliau dalam menjayakan lagi projek ini dimana beliau sudi berkongsi maklumat sejarah Kampung Sungai Siput. Beliau juga banyak membantu kami dalam menunjukkan kawasan dan monumen penting di kawasan Kampung Sungai Siput. Tidak dilupakan juga isteri En Yem bin Lateh dimana banyak menjaga kami dan mengekalkan hubungan kami dengan baik.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk menyiapkan projek ini. Sokongan dan dorongan mereka memberi kekuatan untuk kami terus belajar di universiti ini sehingga mencapai kejayaan cemerlang.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan semua yang memberi Kerjasama dan saling bantu-membantu dalam menyiapkan projek ini.

Akhir kata, terima kasih kepada semua insan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan Projek Sejarah Lisan – “Segar Amat Bumi Bertuah”.

### SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AC	Assistant Commisioner
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AP	Asisten Panglima
GSL	Gerakan Sosial Lama
JKR	Jabatan Kerja Raya